

Literasi tinggi, kefahaman rendah

Malaysia sering berbangga dengan kadar literasi tinggi. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), lebih 95 peratus rakyat Malaysia berumur 15 tahun ke atas mampu membaca dan menulis.

Pencapaian ini membuktikan kejayaan negara memperluaskan akses pendidikan sejak beberapa dekad lalu. Namun, di sebalik angka yang membanggakan ini tersembunyi satu paradoks yang semakin membimbangkan iaitu literasi tinggi tetapi kefahaman membaca yang rendah.

Persoalan perlu kita renungkan hari ini bukan lagi sama ada rakyat Malaysia boleh membaca, tetapi sama ada mereka benar-benar memahami apa dibaca. Dalam abad ke-21, membaca tidak lagi sekadar mengecam perkataan atau menyebut ayat dengan lancar.

Literasi moden menuntut keupayaan memahami makna tersurat dan tersirat, membuat inferens, menilai kesahihan maklumat, membezakan fakta daripada pendapat serta menggunakan ilmu yang diperoleh untuk



PERSPEKTIF

DR AIZAN
YAACOB

membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

Paradoks ini jelas tergambar melalui keputusan *Programme for International Student Assessment* (OECD, PISA 2022). Walaupun kadar literasi asas negara adalah tinggi, hanya 42 peratus pelajar Malaysia berusia 15 tahun mencapai tahap minimum kecekapan membaca, berbanding purata 74 peratus bagi negara OECD yang lain.

Malaysia juga turut mencatat skor bacaan 388 mata, selain penurunan prestasi dalam matematik (409) dan sains (416). Dapatan ini menunjukkan bahawa cabaran pendidikan negara bukan lagi memastikan murid boleh membaca, tetapi memastikan mereka membaca untuk memahami, berfikir dan menggunakan maklumat secara bermakna.

Kelemahan dalam kefahaman membaca tidak berpunca satu faktor sahaja. Pelbagai kajian tempatan menunjukkan bahawa pencapaian literasi dipengaruhi oleh gabungan faktor keluarga, sosioekonomi, budaya membaca, motivasi murid, pendekatan pengajaran serta persekitaran pembelajaran.

Kanak-kanak dibesarkan dalam keluarga mengamalkan budaya membaca lazimnya mempunyai kosa kata lebih luas, kefahaman lebih baik dan minat membaca lebih tinggi.

Pada masa sama pendekatan pengajaran juga perlu berubah. Pembelajaran terlalu berorientasi peperiksaan dan hafalan tidak lagi memadai untuk melahirkan pembaca kritis.

Guru perlu memberi penekanan kepada strategi membaca mendalam, perbincangan teks, penaakulan, penyoalan aras tinggi serta pembelajaran terbeza yang mengambil kira tahap kebolehan setiap murid.

Cabaran turut menjadi lebih kompleks apabila generasi hari ini memperoleh sebahagian besar maklumat melalui media sosial dan platform digital. Mereka membaca dalam bentuk lebih pendek, pantas dan berselerak. Keadaan ini boleh menjejaskan tumpuan serta keupayaan memahami teks panjang dan kompleks sekiranya tidak diimbangi dengan budaya membaca berkualiti.

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Program NILAM dan, terbaharu, Advance Integrated NILAM System (AINS) bagi memperkukuhkan budaya membaca dalam kalangan murid. Langkah ini wajar di puji kerana berjaya meningkatkan penyerta-

an murid dalam aktiviti membaca.

Namun, persoalan lebih penting ialah sama ada program tersebut berjaya melahirkan pembaca benar-benar memahami bahan yang dibaca atau sekadar meningkatkan jumlah buku yang direkodkan.

Krisis literasi membaca bukan sekadar isu pendidikan. Ia merupakan isu pembangunan negara. Negara yang mempunyai rakyat yang mampu membaca tetapi gagal memahami kandungan bacaan akan berhadapan dengan cabaran menghasilkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, mengembangkan inovasi dan membina masyarakat yang berupaya membuat keputusan secara rasional.

Akhir kata, persoalan perlu kita renungkan bukan lagi 'bolehkah rakyat Malaysia membaca?', tetapi 'adakah mereka membaca untuk memahami, berfikir dan mencipta?'

Jawapan kepada persoalan inilah yang akan menentukan sama ada Malaysia mampu melahirkan generasi yang bukan sahaja celik huruf, tetapi juga celik ilmu, celik maklumat dan bersedia bersaing di pentas global.

**Profesor Madya Dr Aizan Yaacob ialah pensyarah kanan bidang Pendidikan dan Bahasa, Universiti Utara Malaysia Kampus Kuala Lumpur (UUMKL)*